

Ucapan: 03/08/2017

Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1

Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Mohamad,
Ketua Audit Negara;

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;

YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato', dan rakan-rakan media yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmatNya, kita diberi kesempatan untuk hadir bersama di majlis Sesi Bersama Media Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 pada hari ini.

2. Sesi Bersama Media ini adalah kali pertama pada tahun ini selepas pembentangan di Parlimen pada 31 Julai 2017 dan merupakan yang ke-8 sejak diadakan pada tahun 2014.
3. Saya amat berterima kasih di atas kehadiran semua termasuk rakan-rakan media yang tidak pernah jemu membuat liputan mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Seperti hadirin sedia maklum, sesi seumpama ini diadakan sebagai platform kepada pihak media untuk mendapatkan maklum balas atau penjelasan secara langsung berkaitan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sesi ini juga bertujuan untuk berkongsi dengan pihak media berkenaan tindakan-tindakan proaktif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memantapkan pengurusan projek pembangunan, perolehan dan kewangan.
4. Dengan pendekatan dan kerjasama seumpama ini, saya berharap pihak media dapat membuat pelaporan yang seimbang serta menguar-uarkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Laporan Ketua Audit Negara ini juga hendaklah dijadikan sebagai satu iktibar dan rujukan kepada Kementerian, Agensi atau mana-mana pihak yang berkaitan.

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA

5. Seperti yang kita semua sedia maklum, Malaysia telah berjaya mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6% pada suku pertama tahun ini berbanding dengan 4.5% pada suku keempat tahun 2016. Meskipun berhadapan pelbagai cabaran ekonomi, Malaysia masih mampu mencatatkan prestasi kukuh dalam pertumbuhan KDNK, sekali gus melepasi jangkauan kebanyakan penganalisis.
6. Selain daripada kadar pertumbuhan KDNK yang baik tersebut, ingin saya berkongsi dengan hadirin sekalian, antara pencapaian ekonomi Malaysia pada tahun 2017 seperti berikut:
 - a. 50% peningkatan Pendapatan Negara Kasar (PNK) dengan PNK perkapita meningkat kepada 9,850 dolar Amerika antara 2009 dan 2016;

- b. Aliran masuk bersih RM11 bilion ke dalam pasaran modal pada setengah tahun pertama 2017, berbanding aliran keluar bersih sebanyak RM3 bilion pada keseluruhan 2016;
- c. Malaysia berada di kedudukan ke-2 di ASEAN dalam 'World Bank's Doing Business Report 2017';
- d. RM3.1 trilion nilai pasaran modal Malaysia, di kedudukan yang kelima di Asia, berbanding dengan KDNK;
- e. Pertumbuhan 4.9% yang diunjurkan oleh Bank Dunia untuk Malaysia pada 2017, lebih tinggi daripada yang diramalkan iaitu 4.3%;
- f. 29 bilion dolar Amerika dicatatkan di Bursa Malaysia dalam tempoh 5 tahun yang lalu, antara yang tertinggi di ASEAN;
- g. 2.26 juta peluang pekerjaan diwujudkan atau 69% daripada 3.3 juta yang disasarkan menjelang 2020;
- h. 7 bilion dolar Amerika jumlah pelaburan Saudi Aramco di mana 50% ke Petronas RAPID di Johor; dan
- i. Kali pertama eksport melepasi RM80 bilion, pada Mac 2017.

PENARAFAN ANTARABANGSA

- 7. Indikator positif ini disokong dengan pengiktirafan Malaysia di peringkat antarabangsa melalui The Global Competitiveness Report 2016-2017 di mana Malaysia merupakan antara 19 buah negara yang berada dalam fasa peralihan daripada efficiency-driven menuju ke innovation-driven. Kecemerlangan Malaysia turut diiktiraf melalui Global Innovation Index 2017 di mana Malaysia berada di kedudukan 37 daripada 127 buah negara paling inovatif di dunia. Bahkan institusi penarafan kredit dunia seperti Fitch,

Standard & Poor's dan Moody's memberikan taraf kategori "A" kepada Malaysia pada tahun 2016. Malaysia juga diiktiraf sebagai negara terbaik untuk pelaburan dalam Best Country Report 2017 mengatasi 79 negara lain termasuk beberapa negara maju.

PROJEK MASS RAPID TRANSIT (MRT)

8. Terkini, Malaysia telah menyaksikan kejayaan Projek Mass Rapid Transit (MRT) yang merupakan satu projek disiapkan lebih awal, malahan dapat menjimatkan kos sebanyak RM2 bilion. Projek ini berjaya memberi manfaat kepada 1.2 juta rakyat yang tinggal di sepanjang koridor berkenaan. MRT ini dijangka mampu menampung 400,000 penumpang harian dengan kapasiti 20,000 penumpang sejam sehala.
9. Kesemua kejayaan ini adalah hasil kerja keras Kerajaan, penjawat awam, swasta dan rakyat keseluruhannya. Malaysia akan terus cemerlang jika Kerajaan yang sedia ada yang stabil ini terus mendapat sokongan padu penjawat awam dan rakyat.

Hadirin sekalian,

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1

10. Di samping meneruskan kejayaan-kejayaan ini, Kerajaan juga terus berusaha memastikan program-program yang dilaksanakan dibuat secara teratur mengikut prosedur dan peraturan berkuatkuasa dengan penambahbaikan berterusan. Untuk tujuan tersebut, Laporan Ketua Audit Negara akan menjadi satu mekanisme pemantauan.
11. Seperti kita sedia maklum, terdapat dua bentuk teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara iaitu teguran corrective yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur dan teguran punitive yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.

12. Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1, secara keseluruhannya terdapat 895 teguran audit iaitu 748 atau 84% teguran corrective yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur; dan 103 atau 11% teguran punitive disiasat oleh Jawatankuasa Siasatan. Kerajaan telah menubuhkan 26 Jawatankuasa Siasatan yang melibatkan 60 teguran punitive di peringkat Kementerian, dan 43 teguran punitive peringkat Kerajaan Negeri. Manakala baki 44 atau 5% teguran punitive akan diteliti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara yang melibatkan Badan Berkanun dan Syarikat.

Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Punitive LKAN 2016 Siri 1 - Peringkat Persekutuan

13. Di peringkat Persekutuan, terdapat 60 teguran punitive yang disiasat melibatkan 11 Kementerian iaitu:

- a. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- b. Kementerian Pertahanan
- c. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- d. Kementerian Pendidikan Tinggi
- e. Kementerian Kerja Raya / Jabatan Kerja Raya
- f. Kementerian Kesihatan Malaysia / Jabatan Kerja Raya
- g. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- h. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri
- i. Kementerian Sumber Manusia

j. Kementerian Pendidikan Malaysia

k. Kementerian Dalam Negeri

14. Bagi tujuan siasatan, Kerajaan menubuhkan 14 Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat 60 teguran punitive tersebut. Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sehubungan dengan itu, tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai sekiranya didapati wujud asas kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.

15. Berdasarkan siasatan tersebut, didapati bahawa sehingga 2 Ogos 2017:

- a. 31 atau 52% teguran mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib yang melibatkan 119 pegawai;
- b. 24 atau 40% teguran didapati tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa. Ini telah disahkan dalam penelitian susulan bersama Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan dan SPRM; dan
- c. 5 atau 8% teguran sedang disiasat lanjut bagi mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab.

Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Punitive LKAN 2016 Siri 1 - Peringkat Kerajaan Negeri

16. Di peringkat Kerajaan Negeri, Ketua Audit Negara telah melaporkan 43 teguran punitive melibatkan 12 Kerajaan Negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah.

17. Bagi 43 teguran punitive tersebut, Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan di mana:

- a. 5 atau 12% teguran telah selesai disiasat dan 17 pegawai mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib;
- b. 8 atau 18% teguran didapati tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa; dan
- c. 30 atau 70% teguran masih dalam siasatan.

18. Secara keseluruhannya, daripada 103 teguran punitive, 36 atau 35% teguran yang melibatkan 136 pegawai mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib, manakala 32 atau 31% teguran tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa dan 35 atau 34% teguran masih dalam siasatan. Di samping itu, 9 hasil pengauditan akan diteliti oleh SPRM.

Status Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Corrective LKAN 2016 Siri 1

19. Bagi 748 teguran corrective, 263 atau 35.2% teguran telah selesai diambil tindakan oleh kementerian atau agensi yang berkenaan manakala 485 atau 64.8% teguran masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut memerlukan masa untuk dibuat tindakan pembetulan atau penambahbaikan oleh kementerian atau agensi yang terlibat. Status tindakan ini dipantau melalui Dashboard Jabatan Audit Negara.

20. Saya telah meneliti liputan media mengenai Laporan Ketua Audit Negara ini, seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star, BERNAMA dan media alternatif yang lain. Didapati teguran-teguran yang disentuh oleh

media telah dan sedang disiasat oleh Jawatankuasa Siasatan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri. Seperti mana saya telah jelaskan, seramai 119 pegawai akan dimulakan prosiding tatatertib dan 9 hasil pengauditan sedang diteliti oleh SPRM.

TINDAKAN KE ATAS PEGAWAI DALAM KES LKAN 2012 HINGGA 2015

21. Dimaklumkan juga bahawa semua kes bagi tahun 2012 hingga 2015 yang melibatkan 528 pegawai telah diselesaikan, di mana 167 pegawai diambil tindakan tatatertib dan surcaj oleh Lembaga Tatatertib berkenaan meliputi hukuman amaran sehingga buang kerja. 1 kes masih dalam siasatan SPRM.

KOMITMEN KERAJAAN MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI

22. Ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan amat memandang serius teguran Ketua Audit Negara demi mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti. Di samping tindakan tatatertib dan tindakan oleh SPRM, Kerajaan juga menjalankan usaha-usaha berikut:

a. Program Pemantapan Kompetensi dan Nilai Integriti

Mulai 2014 sehingga Julai 2017, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah melatih 224 pegawai bagi Kursus Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB) dan 410 pegawai bagi Kursus Sijil Pentauliah Perolehan Kerajaan (SPPK).

Sehingga kini, seramai 656 pegawai telah menjalani program Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah Atau Certified Integrity Officer (CeIO).

Selain itu, seramai 43 orang pegawai Kementerian Kewangan menjalani program persijilan United Nations Development Programme (UNDP) Procurement Training.

b. Lab Resolusi Laporan Ketua Audit Negara

Lab yang dianjurkan oleh JPA pada 3 hingga 4 April 2017 ini telah mempertemukan practitioners daripada sektor pembangunan, kewangan dan perolehan daripada semua kementerian bagi menambah baik peraturan kewangan dan pembangunan yang kerap dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

c. Seminar Isu-Isu Semasa Pengurusan Kewangan Kerajaan Tahun 2017

Seramai 1,376 pegawai daripada pelbagai skim dan gred telah menghadiri seminar anjuran JPA ini yang bertujuan meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran pegawai awam berkaitan konsep integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan. Para peserta telah didedahkan dengan kes-kes tata tertib yang terbit daripada Laporan Ketua Audit Negara.

d. Pemantapan Ke Atas Pemantauan Projek-Projek Pembangunan

Selain daripada pemantapan kompetensi dan integriti pegawai, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU,JPM) telah mengambil tindakan penambahbaikan ke atas pengurusan projek-projek bermasalah melalui penubuhan Pasukan Khas Projek Bermasalah (PKPB). Sehingga kini, sebanyak 4 pasukan telah ditubuhkan untuk menyiasat 6 projek bermasalah .

ICU, JPM juga telah menambah baik modus pemantauan pelaksanaan projek-projek awam termasuk menubuhkan Jawatankuasa Khas National Development Projects Intervention Committee yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebagai langkah intervensi juga, Garis Panduan Pelantikan Kontraktor Penyiap sedang disediakan selain pembangunan sistem pangkalan data kontraktor yang merupakan usahasama Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan CIDB.

Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM juga turut mengambil inisiatif dengan menerbitkan Buku Merah yang boleh dijadikan rujukan utama oleh kementerian/agensi dalam menangani isu berkaitan projek fizikal di peringkat perancangan dan pelaksanaan. Melalui Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), EPU turut memperkenalkan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau Malaysian National Development Strategy (MyNDS) yang mensasarkan projek pembangunan berimpak tinggi dengan kos yang rendah dalam tempoh masa yang singkat.

e. Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

Ikrar Bebas Rasuah adalah salah satu daripada usaha dan inisiatif SPRM bermula Januari 2017 dalam bentuk aku janji untuk ditandatangani oleh setiap pemimpin organisasi dan anggotanya secara sukarela bagi memastikan mereka melaksanakan tugas dengan berhemah dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut. Setakat ini, 449 organisasi telah menandatangani akujanji tersebut.

PENUTUP

23. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Bersama-sama saya pada hari ini adalah semua Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan dan menjawab persoalan, jika ada, daripada pihak media berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1.

Sekian,

WabillahiTaufikWalhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19099/Sesi-Bersama-Media-Susulan-Laporan-Ketua-Audit-Negara-2016-Siri-1>